

Kekalkan majoriti dua pertiga: PM

5/12/1978

Oleh Mohd Shah Abdullah

SUBANG, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebarang usaha bagi meminda Perlembagaan perlu mendapat majoriti dua pertiga bagi melindungi kepentingan golongan minoriti.

Menurut Perdana Menteri, jika pindaan Perlembagaan dibuat hanya menggunakan majoriti mudah, ia akan menyebabkan golongan minoriti berasa curiga.

"Pada pendapat saya, kita harus kekalkan majoriti dua pertiga kerana kalau kita begitu mudah meminda Perlembagaan, golongan minoriti akan berasa curiga dengan kemungkinan tindakan diambil oleh majoriti yang kecil supaya hak mereka dicabul," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini malam ini, bersama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selepas melakukan lawatan rasmi 10 hari ke China.

Perdana Menteri diminta mengulas cadangan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail, baru-baru ini supaya sebarang pindaan Perlembagaan membabitkan perkara tertentu hanya dibuat menggunakan majoriti mudah.

Antara orang kenamaan yang menyambut ketibaan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Ghafar Baba; Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Pertanian, Datuk Seri Samsi Junid dan Menteri

Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sabtu lalu, di Kota Kinabalu, Ghafar juga berkata, majoriti dua pertiga di Parlimen yang diperlukan untuk meminda Perlembagaan perlu dikekalkan.

Mengenai hasil lawatannya ke China, Dr Mahathir berkata, lawatan itu adalah paling berjaya dan beliau tertarik dengan kemesraan yang ditunjukkan oleh kerajaan dan rakyat negara itu.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh 10 hari lawatan itu Kerajaan Chi-

na menunjukkan, kemesraan, termasuk menyediakan kemudahan pesawat dalam semua lawatannya ke beberapa wilayah di negara berkenaan.

"Menteri Perdagangan Dalam Negeri mengiringi saya sepanjang tempoh lawatan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, lawatan itu juga berjaya merapat serta mengukuhkan hubungan di antara Malaysia dan China.

Menurutnya, apa yang penting selepas ini ialah tindakan susulan terhadap pelbagai perjanjian kerjasama yang ditanda-

tangani oleh kedua-dua negara.

Lebih 30 perjanjian persefahaman, termasuk oleh sektor swasta ditan-datangani dalam lawatan Dr Mahathir itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan menyokong semua usaha yang dilakukan untuk menjayakan projek kerjasama membabitkan kedua-dua negara.

Katanya, wakil pemimpin Kerajaan China juga memberi pengakuan untuk memberi sokongan terhadap projek yang akan dilaksanakan nanti.